

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kasih bantu tingkat kesedaran HIV | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 06 Dec 2011 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 29,826 |
| Page No | I-9 | Readership | 97,836 |
| Language | Malay | ArticleSize | 328 cm ² |
| Journalist | Mary Chin | AdValue | RM 1,690 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,070 |



Kasih bantu tingkat kesedaran HIV

Mary Chin

LEBIH 700 kondom percuma diedarkan kepada orang ramai di Pasar Minggu Jalan Gaya, di Kota Kinabalu Ahad lepas, sempena sambutan Hari AIDS Sedunia 2011 peringkat Kasih.

Dengan tema "Hentikan AIDS", ia dianjurkan oleh Persatuan Perkhidmatan Sokongan AIDS Sabah (Kasih), yang sebelum ini dikenali sebagai Persatuan Perkhidmatan Sokongan AIDS Kota Kinabalu.

Ahli Kasih dan sukarelawan juga memakai riben merah - simbol kesedaran HIV sedunia.

Pesanan yang ingin disampaikan melalui aktiviti ini adalah: Gunakan kondom. Atau lebih baik, katakan 'tidak' kepada hubungan seks tanpa perlindungan. Hentikan AIDS. Bersama, kita boleh sebarkan kesedaran.

Presiden Kasih, Joseph Benedict mengetuai pasukannya dalam mengedarkan kondom dan risalah maklumat daripada Unit AIDS/STD Jabatan Kesihatan Negeri.

Kasih, yang ditubuhkan pada 2003, disokong oleh Majlis AIDS Malaysia,

Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan Negeri.

"Saya berasa amat gembira dengan respons terhadap gerai kempen kesedaran Hari AIDS Sedunia kami.

"Selain itu, lebih RM1,000 dikutip hasil jualan kek cawan (berharga RM1.50 setiap satu) dan sumbangan orang ramai. Ramai yang datang secara sukarela untuk mendaftar sebagai ahli atau menyumbang kepada tabung kami. Saya berterima kasih kepada mereka atas keprihatinan dan sokongan mereka," kata Joseph.

Turut hadir adalah Naib Presiden Kasih, Agnes Khaw dan Setiausaha, Anita Kong.

Orang dewasa, remaja dan kanak-kanak terlibat dalam kempen Ke Arah Sifar: Jangkitan HIV Baru Sifar, Diskriminasi Sifar dan Kematian Berkaitan AIDS Sifar.

Sementara itu, Joseph merayu majikan agar tidak mendiskriminasi pekerja yang dijangkiti HIV.

"Mereka yang dijangkiti HIV/AIDS adalah sama seperti anda dan saya, kecuali mereka membawa virus itu. Perangi AIDS, bukan penghidap AIDS.

Tiada siapa pun yang imun kepada HIV. Jangkitan HIV boleh berlaku kepada sesiapa sahaja," katanya.

Turut hadir untuk membantu kempen kesedaran awam itu adalah 11 sukarelawan dari M.V. Logos Hope, yang mempunyai pengalaman dalam menangani isu HIV/AIDS. Mereka turut mempersembahkan sketsa untuk mendidik orang ramai mengenai perbezaan antara HIV dan AIDS.

Stefan Becker, 33, seorang tukang kayu dari Jerman dan Alex Qiu, 24, jurubahasa dari China, yang kini menetap di Itali, membantu mengedarkan kondom percuma itu.

Silvana da Silva, 39, dari Brazil menjadi badut yang menarik perhatian orang ramai dengan telatahnya sementara rakan sekerja, Marika Suominen, 21, dari Finland, Natalie Edwards, 20, dari St Vincent, Jenny Oberst, 26, dari Amerika Syarikat dan Cynthia Ong, 52, dari Singapura membantu menjual kek cawan dan mengedarkan risalah maklumat.

"Ada orang yang saya temui, hanya ingin memberi wang. Mereka tidak ingin

kek cawan itu," kata Oberst.

Suominen menyatakan bahawa risalah itu berguna kepada mereka yang kurang pengetahuan mengenai HIV/AIDS.

Ong, Fasilitator AIDS yang terlatih di M.V. Logos Hope, bertanggungjawab untuk gerai di Dek 4 yang menawarkan perkongsian Life X-perience (Kesedaran HIV/AIDS) dalam bahasa Inggeris, Malaysia, Cina dan Tamil, kepada pengunjung kapal itu.

Orang ramai dijemput untuk menghadiri Sesi Kesedaran HIV di atas kapal itu pada 8 Disember dari 10 pagi hingga 5 petang. Ia akan dikendalikan dalam bahasa Inggeris dengan tumpuan kepada perlindungan dan pemberhentian stigma AIDS.

Sebuah kumpulan ukulele tempatan turut hadir, menyanyikan beberapa lagu yang melupuskan mitos mengenai HIV/AIDS. Misalnya, kebenarannya

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kasih bantu tingkat kesedaran HIV | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 06 Dec 2011 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 29,826 |
| Page No | I-9 | Readership | 97,836 |
| Language | Malay | ArticleSize | 328 cm ² |
| Journalist | Mary Chin | AdValue | RM 1,690 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,070 |

adalah anda boleh memeluk seseorang yang positif HIV. Ia tidak akan menyebabkan anda sakit.

HIV/AIDS perlu difahami dan bukan ditakuti. Pesakit tidak seharusnya diketepikan.



JOSEPH (kiri) dan Alex Qiu dari China mengedarkan risalah dan kondom percuma kepada orang ramai.

(Gambar kanan) SUKARELAWAN dari M.V. Logos Hope (memakai pelekat) dengan pesanan berkaitan HIV/AIDS bersama pegawai-pegawai Kasih.

